

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN  
BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 30.11.2015 (ISNIN)**

**UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mekanisme serta implikasi positif dan negatif cadangan penguatkuasaan rejim kawalan ke atas penggabungan yang memberi kesan terhadap persaingan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 yang dipertanggungjawabkan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) tidak merangkumi rejim kawalan ke atas penggabungan yang memberi kesan terhadap persaingan. Setakat ini, tiada kajian yang dijalankan secara terperinci oleh MyCC terhadap pelaksanaan rejim kawalan ke atas penggabungan tetapi MyCC akan mengambil langkah-langkah persediaan untuk menjalankan penyelidikan awal dan dalam masa yang sama menyediakan kepakaran yang diperlukan dalam pelaksanaan rejim tersebut.

Pada masa ini, penggabungan dikawal oleh Kerajaan melalui agensi-agensi tertentu seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM) supaya implikasinya terkawal dan memberi manfaat kepada ekonomi negara.

SC misalnya, menguatkuasakan rejim kawalan ke atas penggabungan melalui Kod Pengambilalihan dan Percantuman (2010). Manakala BNM mengawal secara ketat penggabungan institusi kewangan di Malaysia seperti penggabungan Arab-Malaysian Finance Berhad dan MBF Finance Berhad pada tahun 2002 serta cadangan penggabungan antara Malaysia Building Society Bhd (MBSB) dan Bank Muamalat Malaysia Bhd baru-baru ini.